

Maskargo Sasar Catat RM2.4 Bilion Tahun Ini
Bernama
30 Januari, 2012

SEPANG, 30 Jan (Bernama) -- MASKargo Sdn Bhd menasaskan untuk mencatat RM2.4 bilion perolehan tahun ini meskipun pertumbuhan lemah dalam industri terbabit, yang terjejas akibat ketidaktentuan ekonomi global, kata Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya Mohd Yunus Idris.

Syarikat itu yang merekodkan lebih RM2 bilion perolehan tahun lepas, menjangkakan menjana lebih banyak jualan, terutama dari pasaran Asia dan pada masa yang sama mengoptimumkan kos operasi.

"Kami akan meluaskan pasaran dalam Asia dan meningkatkan strategi jualan di Eropah dan Australia," katanya kepada pemberita pada jamuan menyambut pesawat Airbus A330-200F ketiganya di sini Isnin.

Beliau berkata pesawat itu akan memberi perkhidmatan di tiga laluan utama di Asia iaitu Pudong, Jakarta dan Sydney.

"Jika segalanya berjalan lancar, kami mungkin terbang ke Surabaya menjelang akhir bulan ini. Laluannya ialah dari Australia ke Surabaya dan balik ke Kuala Lumpur," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642961>